

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXIII)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR  
YB. MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD**

14. Apakah langkah pemberian pukot 2 kali dalam setahun untuk nelayan pantai diteruskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. Kerajaan Negeri telah memulakan program bantuan kepada nelayan pesisir pantai sejak tahun 2013. Bermula pada tahun 2013 sehingga 2016, Kerajaan Negeri telah meluluskan pemberian bantuan pukot sebanyak dua (2) baneh seorang bagi tempoh setahun kepada nelayan pesisir pantai Negeri Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, berikutan pelbagai rungutan berkenaan pukot yang dibekalkan tidak menepati keperluan dan kehendak nelayan, bermula pada tahun 2017 hingga 2019, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk meneruskan program ini melalui kaedah pemberian baucar bernilai RM400.00 sekali setahun. Program ini memanfaatkan golongan nelayan pesisir pantai untuk menebusguna baucar yang disumbangkan dengan peralatan dan perkakasan bagi aktiviti perikanan seperti berikut:

- (a) Semua jenis pukot;
- (b) Tangkul udang lipan;
- (c) Tangkul ketam;
- (d) Tali pukot;
- (e) Benang jahit pukot;
- (f) Tong ikan;

- (g) Dawai mata punai (bubu);
- (h) Mata kail (rawai); dan
- (i) Pelampung;